



SIARAN MEDIA

KKD PERGIAT USAHA MENYUBURKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN SERTA MEMPERSIAP SIAGA RAKYAT DENGAN KEMAHIRAN DIGITAL

LABU, 6 Julai 2023 – Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini merasmikan Projek *Point of Presence* (PoP) Zon Selatan di SMK Dato' Undang Haji Adnan, Kota, Rembau yang menyediakan infrastruktur gentian optik berhampiran sekolah dan premis kerajaan bagi memastikan capaian jalur lebar dengan kelajuan yang lebih tinggi.

Setakat ini, sebanyak 36 PoP telah berjaya dilaksanakan di Negeri Sembilan daripada jumlah keseluruhan sebanyak 255 PoP meliputi Fasa 1 dan Fasa 2. Inisiatif ini bagi menggalakkan penerimaan teknologi digital dalam kalangan rakyat selain mempersiapkan siaga rakyat dengan kemahiran digital bagi merealisasikan Dekad Keemasan Digital.

YB Fahmi yang dalam lawatan kerja dua hari di Negeri Sembilan bermula semalam, turut menyantuni pemimpin masyarakat dan komuniti setempat dalam program Kita MADANI Peringkat Negeri Sembilan di Dewan Terbuka Seri Batu 8, Labu.

Program bertujuan mendekati rakyat pada semua peringkat dalam menyuburkan semangat kebersamaan selain mempromosikan dasar-dasar kerajaan serta konsep Malaysia MADANI. Program Kita MADANI turut dimeriahkan dengan pameran pelbagai agensi kerajaan dan negeri, Jualan RAHMAH, kempen kesedaran anti-scam dan penyampaian Pakej Perpaduan serta sumbangan kepada golongan asnaf.

Dalam lawatannya, YB Fahmi juga melawat Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Felda Palong 11 yang mengalami kerosakan akibat ribut pada 25 Jun 2023 yang lalu. KKD akan menyalurkan bantuan kewangan serta-merta sebanyak RM50,000 bagi tujuan baik pulih. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kini dalam proses bagi menjalankan aktiviti PEDi di lokasi sementara bagi memastikan komuniti setempat menikmati kemudahan perkhidmatan PEDi.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif) KKD, Puan Mastura Ahmad Mustafa, Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital) KKD, Encik Ma.Sivanesan serta ketua-ketua jabatan dan agensi bawah KKD.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Komunikasi dan Digital**